

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' DR. NIK MAZIAN BIN NIK MOHAMAD  
[ PASIR PUTEH ]**

**SOALAN :**

**YB Dato' Dr. Nik Mazian bin Nik Mohamad [ Pasir Puteh ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejak kejatuhan harga minyak dunia, negara kita juga menghadapi kemerosotan nilai matawang negara berbanding nilai matawang dollar Amerika. Apakah tindakan yang diambil oleh Kerajaan dalam membantu kadar yuran dan perbelanjaan pelajar-pelajar luar negara menghadapi fenomena ini.

**JAWAPAN: YB DATO' SERI SHAHIDAN BIN KASSIM,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penyusutan nilai mata wang ringgit tidak memberi kesan kepada kos yuran pengajian dan kos sara hidup pelajar tajaan Kerajaan di luar negara. Ini adalah kerana pelajar menerima elaun dalam kadar mata wang negara di mana mereka mengikuti pengajian.

Namun atas keprihatinan Kerajaan, semakan ke atas kadar elaun yang diberi kepada para pelajar dilaksanakan dari semasa ke semasa. Ini adalah untuk memastikan elaun yang diterima sejajar dengan kos sara hidup dengan mengambil kira peningkatan kos yuran pelajar, kos pengangkutan dan penginapan.

Sekian. Terima kasih.